

## Persediaan sebelum, selepas kemoterapi

**Buku** Persediaan untuk Kemoterapi bagi Pesakit Kanser ini merangkumi pelbagai aspek mengenai rawatan kemoterapi dalam kalangan pesakit kanser.

Kandungan buku ini meliputi perincian mengenai kesan sampingan yang akan dihadapi oleh pesakit kanser ketika rawatan, langkah untuk mengurangkan kesan sampingan dan maklumat mengenai aspek psikologi pesakit

yang menjalani rawatan kemoterapi.

Buku ini diterbitkan oleh Penerbit Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan cetakan pertama pada 2017.

Buku setebal 54 muka surat ini mengandungi lima bab iaitu pengenalan; persediaan untuk kemoterapi; mengurus kesan sampingan kemoterapi; kemoterapi dan emosi dan maklumat lanjut.

Buku ini ditulis oleh Ummavathy Periasamy, Sherina Mohd Sidik dan Rozi Mahmud.

### **Bantu pesakit**

Mereka adalah pakar dalam pelbagai bidang membabitkan penyakit kanser seperti farmasi perubatan keluarga, radiologi, kesihatan awam, psikologi, onkologi dan pemakanan.

Tujuan utama buku ini diha-

silkan adalah untuk membantu pesakit yang menderita penyakit kanser, bagaimana mereka dan keluarga dapat melakukan persediaan terutama sebelum dan selepas menjalani rawatan kemoterapi.

Berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada buku ini, kesan sampingan yang sering ditanggung oleh pesakit kanser dapat dikurangkan.

